



## KENYATAAN AKHBAR

### KENYATAAN MENGENAI SATU VIDEO VIRAL “JANGAN MAKAN ATAU BELI UDANG ‘DPELIHARA’ ADA CACING PITA!!” YANG DISEBARKAN DALAM MEDIA SOSIAL

#### JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

01 Zulhijjah 1439 /13 Ogos 2018  
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

Berhubung dengan kenyataan yang disampaikan melalui media sosial mengenai dengan satu video viral bertajuk “Jangan Makan Atau Beli Udang ‘Dipelihara’ Ada Cacing Pita!!”, maka dengan ini Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan ingin menjelaskan kepada orang ramai mengenai perkara ini bahawa :

Jabatan Perikanan telah mendapati bahawa video yang menunjukkan seperti cacing adalah sebenarnya salah satu bahagian dalaman udang yang dinamakan ‘*male reproductive system*’ atau sistem pensenyawaan udang.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarikan melalui internet atau melalui media-media lain seperti *WhatsApp*, *Twitter* dan *Facebook* tanpa memastikan kesahihannya. Seterusnya orang ramai juga diperingatkan untuk lebih bertanggungjawab dan tidak turut menyebarkan sebarang perkara yang tidak berasas.

Perbuatan menyebarkan maklumat tidak sah, apatah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan di bawah undang-undang yang ada pada masa ini.

Maka dalam hal ini, Jabatan Perikanan menyeru pihak awam dan orang ramai untuk melaporkan terus kepada Jabatan Perikanan jika terdapat sebarang keraguan dan kemuskilan mengenai sebarang produk perikanan di talian-talian berikut: 2770066 (waktu bekerja), atau 7297771 (Hotline Jabatan Perikanan).

Disediakan oleh:  
Jabatan Perikanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam